

PONTALON TABLET

Mefenamic Acid 250mg, Mefenamic Acid 500mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PONTALON TABLET
2. Bagaimana PONTALON TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan PONTALON TABLET
4. Cara menggunakan PONTALON TABLET
5. Semasa menggunakan PONTALON TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PONTALON TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan PONTALON TABLET

PONTALON TABLET digunakan untuk melegakan arthralgia degeneratif dan untuk melegakan kesakitan ringan hingga sederhana termasuk otot, trauma dan sakit gigi, sakit kepala dan sakit pembedahan selepas bersalin dan senggugut.

Bagaimana PONTALON TABLET berfungsi

Asid mefenamic menghalang enzim cyclooxygenase dan dengan itu memiliki kesan anti-radang dengan menghalang sintesis prostaglandin. Ia juga mempunyai kesan untuk menyembuhkan penyakit demam dan anagelsik dengan bertindak ke atas kedua-dua mekanisme pusat dan periferi.

Sebelum menggunakan PONTALON TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada hipersensitiviti terhadap asid mefenamic atau mempunyai hipersensitiviti kepada mana-mana komponen produk ini. Ia tidak harus diambil oleh orang yang mempunyai penyakit inflammatory bowel, ulser peptik, kerosakan buah pinggang, atau mempunyai hipersensitiviti kepada aspirin atau NSAID yang lain.

- Sebelum menggunakan PONTALON TABLET

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat. Asid mefenamic boleh berinteraksi dengan warfarin dan aspirin. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan PONTALON TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk kesakitan ringan hingga sederhana: 500mg tiga kali sehari bagi orang dewasa dan remaja berumur lebih dari 14 tahun.

Untuk dysmenorrhea, 500mg dos sebagai permulaan dan diikuti dengan 250mg setiap 6 jam.

Warga tua 70 tahun ke atas: separuh daripada dos dewasa.

- Bila perlu digunakan

Dapatkan nasihat doktor anda tentang tempoh masa untuk mengambil ubat.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan PONTALON TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

Jika anda mengalami ruam kulit dan lepuhan semasa rawatan, maklumkan kepada doktor anda dengan segera.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

PONTALON TABLET harus digunakan dengan berhati-hati pada pesakit dengan keadaan seperti sejarah dyscrasias darah atau gangguan pembekuan. Selain itu, individu dengan fungsi hati terjejas, dehidrasi, penyakit buah pinggang, epilepsi, edema dan kegagalan jantung perlu berhati-hati apabila mengambil ubat ini. Ia tidak boleh digunakan semasa mengandung.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PONTALON TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan dengan pengambilan PONTALON TABLET adalah seperti gangguan gastro-usus, sakit perut dan ruam kulit kadang-kala disertai dengan lepuhan. Kesan sampingan yang lain adalah seperti sakit kepala, mengantuk, pening, gangguan penglihatan, ruam kulit dan urtikaria.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan PONTALON TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pontalon tablet 250mg

Pil berwarna putih, dengan satu permukaan bertulis "P".

Pontalon tablet 500mg

Pil elips biru muda dengan skor pada permukaannya.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

Mefenamic Acid 250mg

Mefenamic Acid 500mg

Bahan tidak aktif-

Silicon Dioxide

Polyethylene Glycol

Starch

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

Cellulose

- Nombor MAL

MAL19991438AZ-Mefenamic Acid 500mg

MAL19973697AZ-Mefenamic Acid 250mg

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kema skini RiMUP :

15/04/2025

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)250218/1418